

30/10/2001

Belia, pelajar diminta memanfaatkan peluang terbuka

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

BH: Baru-baru ini, wakil rakyat Barisan Nasional (BN) menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertindak tegas terhadap menteri dan ketua jabatan yang tidak cekap termasuk memecat mereka. Apa pandangan saudara?

JOHAN: Gesaan ini perlu dilihat secara positif dan serius kerana ia membabitkan wakil rakyat BN sendiri. Apa yang mereka perkatakan itu perlu diberi perhatian kerana ia dibuat di Parlimen, iaitu ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2001 baru-baru ini. Sebagai penyokong kerajaan, wakil rakyat terbabit sudah pasti memikirkan implikasinya jika tuduhan mereka dibuat tanpa bukti dan alasan kukuh.

Di sini kita dapat melihat keikhlasan dan kesungguhan wakil rakyat BN dalam membela nasib rakyat. Mereka sanggup berdepan segala risiko, apatah lagi wakil pembangkang di Parlimen sentiasa menunggu peluang sedemikian untuk dijadikan modal politik. Jika kenyataan mereka berjaya dibuktikan dengan bukti dan alasan kukuh, tindakan segera perlu diambil bagi membersihkan imej kerajaan yang diterajui BN. Bagaimanapun, saya percaya Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan menangani isu ini dengan bijaksana.

Sebagai manusia biasa, menteri juga tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Jika selepas ditegur atau diberi amaran mereka mahu berubah, kita perlu beri mereka peluang untuk memperbaiki kesilapan. Bagi saya, amaran keras sudah memadai. Jika mereka tetap tidak berubah, barulah tindakan memecat wajar dilaksanakan.